

Pendekatan nasional tangani banjir

B-4 31/1/08 MS 34

KEJADIAN banjir disebabkan hujan lebat di utara tanah air baru-baru ini khususnya di Pulau Pinang, Kedah dan Perak dilihat sebagai fenomena bencana alam yang biasa terjadi di negara ini.

Selepas ribuan mangsa banjir di Kedah dan Pulau Pinang pulang ke rumah masing-masing untuk berkemas dan mencuci rumah, kedengaran cakap-cakap mengenai bagaimana perkara itu boleh berlaku.

Masing-masing memperkatakan punca dan faktor kejadian yang sudah acap kali diperkatakan. Lantas pelbagai cadangan diketengahkan, antaranya memperdalamkan sungai, membaiki sistem tebatan banjir dan penyelenggaraan sistem saliran, selain cadangan lain yang kerap diungkapkan.

Kita gagal mencari persoalan pokok atau akar umbi kepada masalah ini. Sebaliknya, kita terus memberi tumpuan kepada penyelesaian sementara yang merugikan. Justeru, kejadian banjir di negara ini seperti yang pernah melanda Johor dan Pahang tidak lama dulu yang

membabitkan kerugian ratusan juta ringgit, kini melanda negeri di sebelah utara pula. Semua ini perlu dilihat dalam konteks baru dan lebih luas.

Ramai yang tidak sedar bahawa satu isu global yang makin hangat diperbincangkan oleh masyarakat antarabangsa, iaitu isu perubahan iklim. Isu ini adalah satu fenomena dunia yang akan menjadi lebih serius tatkala keadaan iklim dunia menjadi tidak menentu dan sukar diramal. Kejadian hujan berpanjangan, kemarau berterusan, peningkatan suhu setempat, kenaikan paras air laut secara tidak normal semakin membimbangkan.

Adakah kita bersedia menghadapinya? Mahukah kita meneruskan kehidupan yang merangkumi aktiviti seharian, perindustrian, pengangkutan, pengurusan sisa, pertanian atau perikanan secara 'amalan biasa' tanpa langkah adaptasi dan mitigasi?

Perlu diingatkan, faktor penyumbang daripada pelbagai sektor adalah antara punca kumulatif yang mengakibatkan masalah seperti yang

sering kita alami ketika ini, khususnya bencana alam. Justeru, pihak pembuat dasar memerlukan satu usaha besar untuk mengintegrasikan dasar sedia ada ke arah amalan atau praktik ekonomi berkarbon rendah, teknologi efisien tenaga, bangunan hijau, penggunaan tenaga alternatif seperti solar, angin dan ombak.

Usaha awal kerajaan menerusi Bajet 2009 yang dibentangkan baru-baru ini dilihat usaha permulaan menjawab persoalan ini umpamanya dengan memberi peruntukan RM35 bilion untuk pembinaan dan memantapkan sistem jaringan pengangkutan awam yang lebih baik serta insentif pengecualian cukai bagi menggalakkan penggunaan serta pembelian sel *photovoltaic* untuk penajaan tenaga solar dan peralatan elektrik jimat tenaga.

Bagaimanapun, ada beberapa kebimbangan yang perlu diberi perhatian. Antaranya, pendekatan alternatif bagi tenaga iaitu *biofuels* yang akan berhadapan dengan konflik keperluan komoditi negara termasuk keperluan makanan. Dikhu-

tiri kemasukan produk bahan mentah ubah suai genetik bagi memenuhi tuntutan *biofuel* atau *biomass* mengancam keselamatan makanan jika berlaku pencemaran dalam sektor bekalan makanan negara.

Ia pernah terjadi di beberapa negara luar seperti Amerika Syarikat apabila jagung ubah suai genetik untuk penghasilan bahan bakar didapati mencemari atau turut dijual sebagai bekalan makanan dalam pasaran.

Apa pun, pendekatan nasional bagi mendepani perubahan iklim ini perlu dilakukan secara menyeluruh dari segenap aspek. Diharapkan Dasar Perubahan Iklim yang sedang dirangka kerajaan melalui agensi tertentu mengambil kira tindakan mitigasi tanpa mengabaikan adaptasi serta membawa satu paradigma baru untuk kita memajukan negara bukan secara amalan biasa ataupun 'business as usual' sebaliknya dalam bentuk yang lebih mampan atau 'sustainable.'

AZRUL ZABIDI,
Bayan Lepas, Pulau Pinang.